

Pasangan kembar curi tumpuan konvokesyen UPM

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Sepasang kembar seiras meraikan kejayaan berganda selepas masing-masing berjaya mendapat diploma pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-36 di sini hari ini.

Muhamamad Hakim Hashim, 21, memperoleh Diploma Pengurusan Perladangan Makanan manakala adiknya, Muhammad Hazim, 21, mendapat Diploma Pertanian.

Menurut Muhammad Hakim, dia berasa bertuah kerana dapat bersama-sama pasangan kembarnya dari zaman persekolahan sehingga tamat pengajian universiti.

“Memang lebih mudah apabila adik saya ada bersama, apa-apa kelengkapan yang tidak cukup kami kongsi dan kami juga saling membantu dalam pelajaran termasuk berkongsi nota,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Pasangan kembar itu merupakan sebahagian daripada 2,209 graduan peringkat pengajian diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana yang menerima skrol pengajian masing-masing pada hari terakhir konvokesyen UPM hari ini.

Penyerahan skrol itu disempurnakan oleh dua Pro Canselor UPM iaitu Tan Sri Lim Ah Lek dan Tan Sri Dr. Nayan Ariffin.

Sementara itu, menurut Muhammad Hazim, wajahnya yang seiras dengan abangnya menyebabkan mereka sentiasa menjadi tumpuan semasa menuntut di UPM kampus Bintulu, Sarawak.

“Kami merancang bekerja dahulu dan kemudian insya-Allah saya dan abang me-



ROZIAH IDRUS



MUHAMMAD Hakim Hashim (kanan) dan Muhammad Hazim Hashim di Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia yang Ke-36 di Dewan Besar UPM, Serdang, Selangor, semalam.

rancang membuka perniagaan dalam bidang pertanian,” katanya.

Turut menjadi perhatian dalam majlis konvokesyen tersebut ialah Penolong Pengarah Bahagian Kokurikulum Kementerian Pelajaran, Rozhiah Idrus, 54, yang memperoleh Sar-

jana Pembangunan Sumber Manusia.

Ibu kepada empat anak dan nenek kepada empat cucu itu tidak menjadikan usia sebagai faktor penghalang malah bertekad membudayakan pembelajaran sepanjang hayatnya.